




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**02 Disember 2024  
30 Jumadilawal 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Ikan sangkar dibangun di Tasik Paya Bungor
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian [Online]	• Tutup lampu, nombor pendaftaran bot elak dikesan pihak berkuasa
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

# Tutup lampu, nombor pendaftaran bot elak dikesan pihak berkuasa



KUALA SELANGOR - Menutup lampu dan nombor pendaftaran menggunakan kanvas ketika menangkap ikan antara taktik digunakan nelayan bot pukat tunda yang dikesan Jabatan Perikanan Selangor di sekitar perairan Jeram di sini menerusi operasi dijalankan pada Sabtu.

Menyedari kehadiran pihak berkuasa, bot pukat tunda yang dikendalikan individu tempatan itu kemudiannya cuba melarikan diri namun akhirnya berjaya dikesan di sebuah jeti persendirian di Pulau Ketam, Pelabuhan Klang

Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, operasi dijalankan pihaknya bersama Pasukan Polis Marin kira-kira jam 8.55 malam mengesan sebuah bot pukat tunda didapati dalam keadaan mencurigakan selain lampu ditutup.

"Pemeriksaan awal mendapati bot berkenaan sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan selain menutup nombor pendaftaran dengan menggunakan kanvas.

# Tutup lampu, nombor pendaftaran bot elak dikesan pihak berkuasa

"Anggota DOF bersama polis marin kemudian mengarahkan bot berkenaan berhenti untuk pemeriksaan, namun beberapa nelayan yang menaiki bot itu bertindak membuang pukat tunda dalam laut sebelum melarikan diri," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Katanya, susulan itu usaha mengesan bot pukat tunda itu dijalankan sebelum menemukan bot terbabit di sebuah jeti persendirian di Pulau Ketam pada Sabtu.

"Bot terbabit kemudiannya diperiksa dan dipercayai merupakan bot pukat tunda yang melarikan diri ketika dikejar ketika operasi dijalankan sebelum ini.

"Pemeriksaan turut dijalankan melibatkan empat lelaki warga tempatan dipercayai mengendalikan bot berkenaan," katanya.

Menurutnya, bot pukat tunda itu bersama empat individu ditahan dibawa ke Limbungan Jabatan Perikanan di Pelabuhan Klang untuk siasatan untuk tindakan selanjutnya.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 8 (b) dan Seksyen 29 Akta Perikanan 1985.

"Tindakan mematikan lampu dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan menggunakan pukat tunda dalam gelap tanpa sebarang tanda pelayaran membahayakan nelayan lain," katanya.

Tegasnya, tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana nelayan yang berdegil menceroboh zon tangkapan ikan ditetapkan.

"Nelayan diingatkan agar sentiasa mematuhi jarak zon yang telah ditetapkan Jabatan Perikanan Malaysia," katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			36	2-12-2024

# Ikan sangkar dibangun di Tasik Paya Bungor

**KUANTAN:** Tasik Paya Bungor di sini dibangunkan sebagai lokasi ternakan sangkar terbesar di negeri ini sebagai alternatif selepas sektor agropelancong gagal memanfaatkan potensi besar tasik semula jadi tersebut.

Ketua Kampung Paya Bungor, Shamsuddin Ahmad, 63, berkata, sebanyak 16 sangkar mula beroperasi dan diusahakan seorang nelayan sungai hasil peruntukan RM16,000 disalurkan Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Mohd. Shahrir Abdullah.

Sekurang-kurangnya 20 sangkar lagi sedang dilaksanakan di tasik berkenaan hasil peruntukan Risdan berjumlah RM100,000 yang membabitkan lima peserta dari kampung terbabit.

“Peruntukan Sejati Madani RM100,000 diluluskan kepada lima lagi penduduk mengusahakan 20 sangkar ikan patin, tilapia, keli dan beberapa spesies ikan semula jadi tasik.

“Peserta adalah nelayan sungai membabitkan penduduk Kampung Paya Bungor, Kampung Paya Rambutan dan Kampung Gelugor yang komited membangunkan ta-

sik sebagai pusat ternakan ikan air tawar,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan kisah menyedihkan Tasik Paya Bungor yang semakin suram tanpa kehadiran pengunjung.

Beliau menggesa pihak Jabatan Perikanan Pahang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Pahang membuat kajian kesesuaian air di Tasik Paya Bungor untuk ternakan ikan kerana beberapa anak sungai seperti Sungai Paya Bungor kanan, Sungai Paya Bungor kiri, Sungai Sasak, Sungai Berkapur dan Sungai Paya Rambutan tercemar dengan aliran air lombong dan kilang sawit berdekatan.

Penduduk Kampung Paya Bungor, Mat Lazim Mat Yusof, 65, berharap kerajaan negeri membangunkan semula Tasik Paya Bungor yang satu ketika dahulu adalah destinasi pelancongan popular.

“Tasik ini anugerah Allah SWT kepada rakyat Pahang dan ia tidak pernah kering walaupun pada musim kemarau,” katanya.

